

05/03/1998

PPU hospital pertama guna pangkalan data

Hassan Omar

ALOR STAR, Rabu - Sebuah hospital swasta di sini, Pusat Pakar Utara (PPU) dipilih sebagai hospital pertama di dunia menggunakan kemudahan pangkalan data halaman perubatan yang diperkenalkan sebuah institusi pengajian tinggi di London.

Kemudahan yang menggunakan perisian Penyimpanan Maklumat Pesakit ((PIF) itu berfungsi mengumpul dan menyalurkan maklumat mengenai pesakit dari PPU kepada klinik swasta lain.

Bagaimanapun, bagi fasa pertama pelaksanaannya dalam tempoh tiga bulan, pemasangan sistem akan hanya membabitkan pengumpulan data mengenai pesakit untuk disalurkan kepada lima jabatan dalam PPU.

Pencipta kemudahan itu, Ketua Jabatan Biologi dan Sistem Perubatan Imperial College-University of London, Profesor Dr Richard Kitney, berkata sistem itu mampu menjimatkan masa yang diperlukan bagi merawat pesakit berdasarkan kemudahan mendapatkan maklumat mengenai mereka.

Menurutnya, dengan penyaluran maklumat itu, doktor tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan maklumat mengenai pesakit manakala pesakit pula tidak perlu menunggu lama bagi membolehkan doktor mengenal pasti jenis penyakit mereka.

Perisian berkenaan dibawa ke negara ini berikutan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke universiti berkenaan, Jun lalu.

"Sistem ini akan dihubungkan dengan sebuah hospital di London dan California, sekali gus membentuk rangkaian maklumat perubatan pesakit bagi tempoh 24 jam," katanya ketika mengadakan demonstrasi kemudahan itu di PPU, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Cheung Khai Yan dan Pengarah Perubatan PPU, Datuk Dr Ahmad Adnan.

Sementara itu, Dr Ahmad berkata, PPU kini mula melatih kakitangannya bagi melaksanakan tugas menyimpan maklumat pesakit dalam PIF untuk disalurkan kepada empat klinik di hospital terbabit.

"Dalam tempoh tiga bulan akan datang, PPU berharap mampu memperluas sistem ini kepada klinik lain di bandar ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelaskan kos pemasangan kemudahan berkenaan.

(END)